



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**Ir HJH ROSNANI BINTI HJ MAHMOD
SETIAUSAHA PERBANDARAN MPSP**

SEMPENA

**PROGRAM SESI KUMPULAN TUMPU BINCANG
JAJARAN HIJAU (TAMAN KOMUNITI BANDAR PERDA – UPCYCLE
PARK – TAMAN TEKOMA)**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**13 JULAI 2019 (SABTU)
8.00 PAGI**

UPCYCLE PARK, BANDAR PERDA

Disediakan oleh Jabatan Kemasyarakatan

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin

Ahli Majlis Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,
Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan

Yang Berhormat Puan Nurul Izzah bt Anwar

Ahli Parlimen Permatang Pauh

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Mr. David A. Sagiata

Public Spaces Specialist for
UCLG ASPEC / UN Habitat

Yang Berusaha Ms. Loise Jean

Assistant of Public Spaces Specialist
UCLG ASPEC / UN Habitat

Yang Berusaha Puan Ong Bee Leng

CEO PWDC

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Pengetua

Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Perda

Yang Berusaha Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Bandar Perda

Yang Berusaha Encik Zulkefli Bin Bakar
Pengerusi MPKK Bandar Perda

Yang Berusaha Encik Azhar bin Mat
Pengerusi MPKK Simpang Empat / Permatang Rawa / Permatang Batu

Penduduk-Penduduk Setempat

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama berkumpul di Upcycle Park ini bagi menjayakan Sesi Kumpulan Tumpu Bincang bagi cadangan rekabentuk Landskap yang melibatkan Jajaran Hijau di Bandar Perda.

Saya difahamkan Sesi KTB Jajaran Hijau Bandar Perda ini disertai oleh penduduk sekitar bandar perda, wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta yang ada di sini, pelajar-pelajar dari Politeknik Seberang Perai, dan UITM Permatang Pauh. Sesi KTB ini akan menggunakan modul dari pihak UCLG ASPAC selaku dan dibantu oleh fasilitator dari UPM, PWDC dan kakitangan MPSP sendiri.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Tujuan diadakan sesi Kumpulan Tumpu Bincang pada hari ini adalah sebagai salah satu pendekatan yang baik untuk memastikan orang yang berbeza diberi peluang untuk menyuarakan isu atau keperluan utama

mereka. Kita masih tidak dapat mengenalpasti keperluan masyarakat komuniti secara umum kerana ramai yang malu bersuara dan masyarakat komuniti ini akan kekal terpinggir dalam masyarakat. Sesi KTB yang kecil dan khusus akan dapat membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh komuniti ini seterusnya dapat memastikan penyampaian Perkhidmatan MPSP lebih berkesan. Dalam menuju ke arah bandaraya, MPSP ingin memastikan tiada seorangpun yang tertinggal dan menjadikan **'NO ONE SHOULD LEFT BEHIND'** sebagai *guiding principle* dalam melaksanakan kerja.

Jajaran Hijau Bandar Perda ini meliputi kawasan seluas 6,194 ekar di antara keseluruhan kawasan Taman Komuniti Bandar Perda – Upcycle Park – Taman Tekoma. Kos yang dianggarkan bagi cadangan rekabentuk Jajaran Hijau adalah sebanyak USD65,000.00 yang akan dibiayai oleh pihak penaja iaitu UCLG-ASPAC. KTB ini akan membincangkan cadangan rekabentuk yang akan dibuat penambahbaikan ke atas kemudahan sedia di samping menyediakan ruang aktiviti dan riadah kepada masyarakat setempat. Kita boleh lihat beberapa elemen 'Green Lung' yang telah dilaksanakan di sekitar kawasan ini dan menjadi matlamat KTB ini supaya elemen-elemen ini mempunyai '*connectivity aspects*'. MPSP telah melaksanakan projek penanaman pokok '*One Child One Tree*' di sepanjang trek berbasikal di sebelah Upcycle Park ini malah projek

penanaman pokok Tecoma untuk dijadikan Taman Tecoma juga telah dilaksanakan.

MPSP juga telah mengambil inisiatif melaksanakan projek pencahayaan di sebahagian kawasan ini. Projek ini memberi nilai tambah kepada kawasan ini dan menjadi tumpuan penduduk sekitar untuk beriadah dan melaksanakan aktiviti. Projek ini turut menyediakan kawasan yang lebih selamat kepada pengunjung.

Anatara kemudahan sedia ada yang terdapat disini ialah laluan pejalan kaki, laluan berbasikal, gerbang, dataran serbaguna dan kerusi taman. Oleh yang demikian, inilah masa untuk para peserta yang juga merupakan pengunjung kawasan ini untuk berkongsi idea dan pendapat bagi menaiktaraf rekabentuk kawasan jajaran hijau ini. Ambil lah peluang ini supaya pandangan anda dapat disampaikan dan anda akan gembira dengan kemudahan tamabahan lain yang akan disediakan kelak dan menggunakannya dengan berhemah.

Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada UCLG-ASPAC dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan sesi KTB Jajaran Hijau Bandar Perda pada pagi ini. Saya tidak mahu lagi memberi ucapan panjang lebar, dengan ini saya

berharap penduduk Seberang Perai dapat menjaga kawasan ini sebaik-baiknya .

Saya sudah dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,*
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Terimakasih.